



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 20 Mei 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 20/2026

**Semua Pelajar Prasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Saudara/i,

**HEBAHAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2025/2026**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa slip **Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP)** boleh dicetak terus daripada SMPWeb di pautan <https://www.ukm.my/smpweb> mulai **1 Jun 2026** hingga **26 Julai 2026**.

3. Semua pelajar **DIWAJIBKAN** membawa slip KMJP ke dewan peperiksaan. Pelajar yang gagal membawa bersama slip KMJP semasa hari peperiksaan tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

4. Pelajar juga adalah **DIINGATKAN** agar mematuhi peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan sepanjang menduduki peperiksaan. Sebarang bentuk **nota (digital/fizikal)** dan **telefon bimbit atau gajet pintar** adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya pelajar melanggar peraturan peperiksaan dan etika berpakaian, **denda dan/atau tindakan tatatertib akan diambil**.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

...2/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah)
Fakulti/Pusat
 - Presiden
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

-2-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

PELAJAR **DILARANG**



Meniru/menipu atau cuba meniru/cuba menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai meniru/menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan

Membawa ke dalam/ke luar dari dewan peperiksaan: buku, nota, dokumen, kertas kerja, alat komunikasi atau apa-apa barang larangan



Berhubung dengan pelajar lain melalui apa-apa cara semasa peperiksaan sedang berlangsung

Menulis atau telah menulis melalui orang lain apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan di atas tangan atau di mana-mana bahagian tubuh badannya atau di atas pakaiannya



SEKIRANYA DIDAPATI BERSALAH PELAJAR BOLEH DIHUKUM DI BAWAH PERKARA 58 SATU ATAU MANA-MANA GABUNGAN DUA (2) ATAU LEBIH HUKUMAN YANG SESUAI

- (a) amaran;
- (b) khidmat masyarakat yang tidak melebihi dua puluh empat jam mengikut peraturan-peraturan yang dibuat Lembaga;
- (c) denda tidak melebihi lima ratus ringgit;
- (d) dilarang daripada berada di dalam mana-mana bahagian kampus bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib;
- (e) dibuang atau dilarang untuk tinggal di asrama;
- (f) digantung daripada menduduki apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Universiti;
- (g) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib; atau
- (h) dibuang daripada Universiti

Selain yang dinyatakan, pelajar juga:

- (i) Diberikan taraf GAGAL (E) bagi kursus berkenaan.

Rujukan: Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Kebangsaan Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024